

22 JAN 2002

Abdullah-Sekolah

PEMBINAAN 23 SEKOLAH DI TERENGGANU TERGENDALA

KUALA TERENGGANU, 22 Jan (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata pembinaan 23 buah sekolah di Terengganu yang dirancang tahun lepas masih tergendala berikutan keengganan kerajaan negeri memberikan tanah untuk dijadikan tapaknya.

Beliau berkata kerajaan pusat telah menyediakan peruntukan sebanyak RM270 juta bagi membina 11 sekolah menengah kebangsaan yang membabitkan kos RM170 juta dan 12 buah sekolah kebangsaan membabitkan kos RM100 juta.

"Bukan tak ada kemampuan, bukan tak ada wang, bukan tak ada peruntukan... semua ada tetapi tak boleh dibina hanya kerana tak ada tapak tanah.

"Sekolah-sekolah ini memang diperlukan di Terengganu tetapi kita tak dapat melaksanakan pembinaannya kerana kerajaan Terengganu tak mahu kerjasama dan tak beri tanah untuk dijadikan tapak bagi pembinaan sekolah-sekolah itu," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat badan perhubungan Umno negeri di sini hari ini.

Abdullah yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Terengganu berkata kerejaan negeri masih tidak mahu memberikan kerjasama untuk melaksanakan projek itu walaupun peruntukan itu adalah peruntukan biasa daripada kerajaan pusat kepada kerajaan negeri.

"Kerajaan Terengganu tidak suka untuk menerima wang ihsan kerana menganggapnya haram dan sebagainya... tapi ini peruntukan biasa daripada kerajaan persekutuan untuk membina sekolah-sekolah berkenaan," katanya.

Beliau berkata tindakan kerajaan negeri itu hanya merugikan rakyat Terengganu khususnya anak-anak negeri itu yang memerlukan lebih banyak tempat di sekolah-sekolah yang akan dibina itu.

"Ini masalah besarlah pada saya kerana untuk membina sekolah tanah mesti diberi oleh kerajaan negeri," katanya.

Abdullah berkata peringatan akan diberi sekali lagi kepada kerajaan negeri bagi membolehkan kerajaan persekutuan melaksanakan projek yang tergendala itu.

Ketika ditanya sama ada kerajaan negeri bimbang perkara itu dipolitikkan, beliau berkata: "Kita nak bina sekolah... apa nak politik, kita bina sekolah untuk rakyat.

"Kalau kita tak bina boleh jadi dia mempolitikkan... dia mungkin akan kata tengoklah kerajaan pusat tak nak bina sekolah kerana kita ni kerajaan parti pembangkang".

Beliau berkata sekiranya kerajaan negeri tetap enggan memberi kelulusan, peruntukan itu mungkin akan digunakan untuk membina sekolah di tempat-tempat lain yang memerlukan lebih banyak sekolah.

Mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad bahawa kerajaan mungkin melarang Pas daripada mengendalikan taman didikan kanak-kanak (tadika) dan taman asuhan kanak-kanak (taski), Abdullah berkata kerajaan menerima banyak aduan daripada ibu bapa mengenai apa yang berlaku di sekolah-sekolah itu.

Beliau berkata antara aduan yang diterima ialah program-program yang di taski berbau politik.

"Mereka hantar anak mereka ke sekolah-sekolah dengan harapan dapat belajar sepenuh masa untuk hal-hal agama tapi ada juga yang bukan berkaitan agama tetapi yang berbau politik dimasukkan dalam program-program pendidikan di taski," katanya.

Mengenai mesyuarat badan itu, Abdullah berkata mesyuarat hari ini

membincangkan prestasi Umno di Terengganu pada tahun lepas dan beliau pada keseluruhannya berpuas hati dengan program dan aktiviti yang dijalankan yang telah berjaya menarik lebih banyak sokongan.

Beliau berkata hasil program-program yang dijalankan itu banyak penyokong PAS telah bersetuju untuk menyertai Umno dan telah menjadi anggota Umno.

"Seramai 5,519 anggota PAS menyertai Umno pada tahun lepas dan ini satu perkembangan yang amat baik dan menunjukkan mereka lebih yakin kepada perjuangan Umno," katanya.

Abdullah berkata perjuangan Umno adalah untuk agama, bangsa dan negara dan tidak pernah mengabaikan tugas dan tanggungjawabnya untuk meninggikan syiar Islam, membaiki imej Islam dan memajukan umat Islam.

Beliau berkata Umno telah melaksanakan tugas dan tanggungjawab itu tanpa menimbulkan apa-apa masalah kepada mana-mana pihak yang bukan beragama Islam

-- BERNAMA

SN NMO